

Headline	Felo Penyelidikan FRIM terima Pingat Royal Rotanic Garden Edinburgh		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	28 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	205 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,329
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,987



## Felo Penyelidikan FRIM terima Pingat Royal Botanic Garden Edinburgh

**FELO** Penyelidikan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Saw Leng Guan dianugerahkan Pingat Royal Botanic Garden Edinburgh (RBGE) sebagai pengiktirafan sumbangan beliau dalam bidang pemuliharaan tumbuhan.

Unit Komunikasi Korporat FRIM dalam kenyataan medianya baru-baru ini memaklumkan, Saw menerima anugerah berprestij itu pada majlis pembukaan Simposium Antarabangsa Flora

Malesian ke-10 di RBGE, Scotland yang disampaikan oleh Pengarah RBGE, Prof Simon Milne.

"Dr Saw menerima anugerah itu pada 11 Julai lepas atas kecemerlangannya sebagai ahli taksonomi dan sumbangan dalam penyelidikan biodiversiti di Malaysia serta peranannya dalam pemuliharaan flora lebih 30 tahun," demikian menurut kenyataan tersebut.

RBGE merupakan sebuah institusi penyelidikan

antarabangsa terkemuka yang menyampaikan pengetahuan, pendidikan dan tindakan pemuliharaan tumbuhan di seluruh dunia.

Saw yang mempunyai 34 tahun pengalaman dalam bidang taksonomi, ekologi tumbuhan dan pemuliharaan flora di Malaysia telah bersara sebagai Pengarah Bahagian Biodiversiti Hutan FRIM pada tahun 2015.

Pada tahun ini, beliau dilantik sebagai Felo Penyelidik FRIM bagi menyelaras

kumpulan monokotiledon bagi projek Flora of Peninsular Malaysia.

Saw juga berjaya menerbitkan lebih 130 kertas kerja dalam jurnal, artikel dan bab-bab dalam buku serta menamakan 57 taxa tumbuhan baharu dan manakala empat spesies tumbuhan dinamakan sempena nama beliau iaitu Begonia lengguanii, Orchidantha lengguanii, Schizostachyum lengguanii dan Thrixspermum lengguanianum.

— Bernama